

Mahkamah

perintah

Harian (M)

tahan

25 SEP 1986
guru Silat

MIA - 107144

Lincih



● HAJI OMAR DIN

PETALING JAYA, Rabu — Polis menahan Mahaguru Silat Lincih, Haji Omar Din Mawai Din, 46, kerana didakwa menyerang dan mencederakan seorang anggota polis di Lapangan Terbang Antarabangsa di Subang, awal hari ini.

Polis juga menahan tiga lelaki lain yang dipercayai pengikut mahaguru itu untuk disoal kerana didakwa menimbulkan kekacauan di tempat awam.

Pagi ini, Mahkamah Majistret di sini memerintahkan Haji Omar Din dan tiga lelaki berkenaan ditahan mengikut Seksyen 117 Kanun Acara Jenayah.

Meronda

Haji Omar Din dikatakan menyerang konstabel itu dengan sebatang tongkat apabila anggota polis itu cuba meleraikan pertengkaran beliau dengan seorang wanita.

Bagaimanapun polis enggan memberi butir-butir lanjut mengenai kejadian itu.

Kejadian itu dipercayai berlaku sejurus selepas tengah malam tadi di terminal satu lapangan terbang itu.

Konstabel polis yang sedang meronda ketika

itu campur tangan apabila melihat Haji Omar Din bertengkar dengan seorang wanita.

Tetapi Mahaguru Silat Lincih itu menyerang dan memukulnya dengan sebatang tongkat apabila dia cuba meleraikan kedua-dua mereka. PICAR SILAT

Sejurus kemudian beberapa anggota polis lain dari balai polis di lapangan terbang berkenaan datang membantu rakan mereka serta menahan empat lelaki berkenaan.

Anggota polis itu cuma luka ringan dan diberi rawatan pesakit luar di Hospital Universiti di sini.

Dalam pilihanraya umum lalu, Haji Omar Din bertanding di kawasan Parlimen Batu sebagai calon Parti Sepakat Demokratik (SDP) tetapi tewas kepada calon Barisan Nasional, Datuk Alex Lee yang memperolehi 22,262 undi.

Haji Omar Din hilang wang pertaruhan kerana cuma memperolehi 447 undi (1.1 peratus). Calon Pas, Haji Hassan Shukri pula memperolehi 3,923 undi sementara calon DAP, Chan Beng Shin, 15,997 undi.